

BIOWELL ATRIZINE TABLET 10 MG

Cetirizine Hydrochloride (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Atrizine Tablet
2. Bagaimana Atrizine Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Atrizine Tablet
4. Cara menggunakan Atrizine Tablet
5. Semasa menggunakan Atrizine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Atrizine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Atrizine Tablet

Atrizine Tablet digunakan oleh orang dewasa dan kanak-kanak berusia 2 tahun dan keatas sebagai rawatan bagi alahan bermusim (alahan pada debunga), alahan pada tumbuhan (alahan pada jerami) dan ruam gatal pada kulit yang disebabkan oleh alahan.

Bagaimana Atrizine Tablet berfungsi

Atrizine Tablet mengandungi *Cetirizine Hydrochloride* yang merupakan ejen anti-histamin. Anti-histamin boleh membantu melegakan gejala alahan dan ruam gatal pada kulit.

Sebelum menggunakan Atrizine Tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- Anda pernah mengalami reaksi alahan terhadap anti-histamin atau pada mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (tersenarai di bahagian akhir risalah ini).
- Anda mengalami masalah buah pinggang.
- Anda mempunyai gejala intoleransi terhadap laktosa.

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

- Sebelum mula mengambil Atrizine Tablet

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil mana-mana

ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan diperolehi tanpa preskripsi, kerana ianya boleh berinteraksi dengan Atrizine Tablet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Pengambilan alkohol pada masa yang sama boleh mengurangkan kadar kesedaran dalam diri dan menjejaskan prestasi.

Interaksi lain yang tidak disenaraikan mungkin boleh berlaku. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

Cara menggunakan Atrizine Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Telan Atrizine Tablet dengan air pada dos yang disarankan.

- **Dewasa:**
10 mg (1 tablet) sehari sekali. Dos permulaan 5mg boleh digunakan jika dos ini boleh memberikan rawatan yang berkesan.
- **Kanak-kanak dari 2 hingga 6 tahun:**
2.5mg dua kali sehari.
- **Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:**
5mg (separuh tablet) dua kali sehari.
- **Kanak-kanak lebih 12 tahun:**
10mg (1 tablet) sehari sekali.
- **Orang tua:**
Dos yang sama seperti orang dewasa boleh digunakan, bagi orang tua yang tidak mempunyai masalah buah pinggang.
- **Pesakit dengan masalah buah pinggang:**
Jika tiada alternatif rawatan lain, dos diberikan mengikut kebolehan fungsi buah pinggang masing-masing. Sila rujuk doktor atau ahli farmasi bagi mendapatkan dos yang tepat.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini setiap hari sebelum makan, selama yang diarahkan oleh doktor.

Jika anda mengalami masalah buah pinggang, anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini. Ini kerana anda mungkin perlu mengambil dengan dos yang lebih rendah.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat ini selama yang diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Adalah amat penting untuk mengambil ubat anda setiap hari kerana rawatan yang berterusan dan tetap akan memberi kesan yang lebih baik.

Ambil dos sejurus sahaja anda ingat, melainkan ianya hampir dengan masa dos seterusnya. Jangan ambil dua dos sekaligus. Jika gejala berterusan, jumpa doktor anda.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak Atrizine Tablet, hubungi doktor atau bahagian kecemasan dengan segera. Jangan memandu jika anda telah mengambil terlalu banyak ubat ini.

Semasa menggunakan Atrizine Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat setiap hari seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil melebihi dos yang disarankan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati jika minum alkohol semasa mengambil Atrizine Tablet, kerana ia akan mengurangkan daya kesedaran diri.
- Jangan memandu atau mengendalikan mesin jika ubat ini mengakibatkan anda berasa pening. Atrizine Tablet tidak akan menyebabkan kepeningan jika diambil dalam dos yang disarankan.

BIOWELL ATRIZINE TABLET 10 MG

Cetirizine Hydrochloride (10mg)

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengalami masalah buah pinggang kerana anda mungkin perlu mengambil ubat ini dengan dos yang lebih rendah.
- Anda mengalami epilepsi atau risiko mengalami serangan sawan.
- Alahan kulit atau ruam gatal mungkin berlaku jika Atrizine Tablet diberhentikan. Rawatan dengan Atrizine Tablet mungkin perlu diulang semula.
- Jika anda mahu menjalani ujian alahan kulit, anda perlu menunggu 3 hari selepas mengambil Atrizine Tablet.
- Jika anda mempunyai prostat yang membesar, ia mungkin meningkatkan risiko susah untuk membuang air.
- Mengandung dan menyusukan anak : rujuk nasihat dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil mana-mana ubat. Berhati-hati jika anda mengambil Atrizine Tablet ketika sedang menyusu badan.
- Memandu dan menggunakan mesin: pesakit perlu berhati-hati apabila memandu kereta atau mengendalikan mesin yang berbahaya.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, Atrizine Tablet juga boleh mengakibatkan kesan sampingan, tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

Atrizine Tablet jika diambil dalam dos yang disarankan akan menyebabkan kesan sampingan berikut:

- Keletihan
- Pening
- Sakit kepala

Terdapat kesan sampingan yang jarang berlaku ketika Atrizine Tablet diambil seperti masalah membuang air kecil, masalah penglihatan dan mulut kering.

Kesan-kesan sampingan berikut mungkin berlaku:

Jarang:

- Rasa marah dan bertindak ganas

- Kekeliruan
- Kemurungan
- Halusinasi
- *Insomnia* (masalah tidur)
- Konvulsi (pergerakan tidak sengaja)
- Degupan jantung laju
- Gangguan fungsi hati
- Ruam dan gatal pada kulit

Sangat jarang:

- Kurang platlet
- *Tic* (pergerakan yang berulang)
- *Dysgeusia* (masalah deria rasa)
- Pengsan
- Menggigil
- *Dystonia* dan *dyskinesia* (masalah pergerakan)
- masalah penglihatan
- kabur penglihatan
- edema
- kesan seperti lebam pada kulit akibat alahan pada ubat
- *dysuria* dan *enuresis* (masalah untuk membuang air kecil)

Frekuensi tidak tahu dan tidak biasa:

- pengingkatan selera makan
- keresahan
- pemikiran membunuh diri
- mimpi buruk
- deria rasa yang tidak normal (*paraesthesia*)
- amnesia atau hilang ingatan
- masalah ingatan
- vertigo
- hepatitis
- ruam kulit
- alahan pada kulit secara tiba-tiba
- sakit sendi
- kencing tidak lawas

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Atrizine Tablet

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi daripada sinar matahari dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Produk

- Rupa dan warna produk

Tablet bujur, berwarna putih dan bersalut filem, bucu serong, cembung dan bergaris di satu bahagian tablet. Tablet boleh dibelah kepada dua.

Produk ini dibungkus dalam kotak yang mengandungi 10 papan *blister*. Setiap papan mengandungi 10 biji tablet.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Setiap tablet mengandungi 10mg *Cetirizine Hydrochloride*.
- Bahan-bahan tidak aktif
 - *Magnesium Stearate*
 - *Colloidal Silicon Dioxide*
 - *Lactose Monohydrate*
 - *Microcrystalline Cellulose*
 - *Crospovidone*
 - *Hydroxypropyl Methylcellulose E-5*
 - *Hydroxypropyl Methylcellulose E-15*
 - *Talc*
 - *Titanium Dioxide*
 - *Propylene Glycol*

- Nombor MAL:

MAL22026010ACZ

Pengilang

HOVID Berhad
Lot 56442, 7 1/2 Miles,
Jalan Ipoh/Chemor,
31200, Chemor, Perak, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Nutriworld Sdn Bhd
121, Jalan Tunku Abdul Rahman,
30010, Ipoh, Perak, Malaysia.

BIOWELL ATRIZINE TABLET 10 MG

Cetirizine Hydrochloride (10mg)

Tarikh kemaskini RiMUP

30/08/2022

Nombor Siri

NPRA (R2)21/067